

18 MAR 1997

Ghani-Australia

GHANI KETUAI ROMBONGAN KE AUSTRALIA

JOHOR BAHRU, 18 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan mengetuai rombongan kerajaan negeri untuk lawatan rasmi sembilan hari ke Australia mulai esok.

Antara yang akan mengiringi beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan Negeri, Adam Abdul Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Zainalabidin Mohd Zin dan Ketua Eksekutif Perbadanan Johor Datuk Mohd Ali Hashim.

Mereka akan melawat Melbourne, Queenlands, Hobart di Tasmania, Brisbane, Gold Coast dan Sydney.

Ketika bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Abdul Ghani berkata lawatannya itu untuk meninjau pembangunan persekitaran sungai terutamanya di Queenlands dan Melbourne memandangkan kerajaan Johor ingin membangunkan kawasan pinggir sungai di Sungai Tebrau dan Sungai Plentong.

Katanya, kerajaan Johor bercadang membangunkan kawasan persekitaran di Sungai Tebrau dan Sungai Plentong sebagai kawasan kediaman dan pusat rekreasi yang indah.

Abdul Ghani berkata Queensland mempunyai kelebihan dalam pembangunan persekitaran sungai dan merupakan kawasan pelancongan terkemuka dan rombongan itu berharap dapat mempelajari sesuatu untuk dilaksanakan di Johor.

Katanya, para pegawai kanan Perbadanan Johor turut serta dalam rombongan itu memandangkan perbadanan itu mempunyai pelaburan di bidang perhotelan di Hobart.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kerajaan-kerajaan negeri mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan, beliau berkata kerajaan Johor akan memberi kemudahan kepada sektor swasta untuk mengemukakan idea dan kreativiti mereka.

Abdul Ghani berkata langkah itu perlu agar pembangunan jangka panjang boleh berlaku untuk memberi faedah dalam bentuk peluang pekerjaan, sumber percukaian dan hasil lain kepada kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MKO RAM NMO